

## **Kemiskinan di Kalangan Masyarakat Orang Asli**

**Mohd Fauzi Mohd Harun**

**NorAini Hj Idris**

**Madeline Berma**

**Faridah Shahadan**

### **ABSTRAK**

*Kemiskinan di kalangan masyarakat Orang Asli masih berada pada tahap yang serius. Kadar kemiskinan mereka pada 1999 seperti yang dilaporkan dalam Rancangan Malaysia KeLapan ialah sebanyak 50.9%. Ini bermakna setiap seorang dari dua Orang Asli adalah miskin. Kadar kemiskinan ini adalah jauh lebih tinggi daripada kadar kemiskinan keseluruhan di Malaysia pada tahun yang sama iaitu 8.1%. Penulisan ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang menyumbang kepada kemiskinan di kalangan masyarakat Orang Asli dan seterusnya membuat analisis terhadap faktor-faktor tersebut. Untuk tujuan itu, satu kajian telah dijalankan di sembilan kawasan penempatan Orang Asli di negeri Perak. Kawasan tersebut merangkumi kawasan pedalaman, pinggir dan bandar. Keputusan kajian mendapati kadar kemiskinan keseluruhan bagi kawasan kajian ialah sebanyak 54.0%. Enam faktor yang menyebabkan kemiskinan telah dikaji iaitu klasifikasi kawasan, umur ketua isi rumah, saiz isi rumah, tahap pendidikan ketua isi rumah, jenis pekerjaan dan faktor gender. Keputusan kajian mendapati keenam-enam faktor yang dikaji adalah faktor-faktor signifikan yang menyumbang kepada tahap kemiskinan yang tinggi di kalangan masyarakat Orang Asli.*

### **PENGENALAN**

Penyelidikan ini secara keseluruhannya mengkaji dan menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi kemiskinan di kalangan Orang Asli. Namun begitu, sebelum faktor-faktor tersebut diperjelaskan dengan lebih mendalam, keadaan kemiskinan masyarakat Orang Asli akan diterangkan terlebih dahulu bagi meningkatkan lagi kefahaman terhadap kemiskinan mereka.

## KEADAAN KEMISKINAN ORANG ASLI

Kemiskinan yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli adalah sangat serius. Kadar kemiskinan Orang Asli pada 1999 ialah 50.9 % dan kadar ketermiskinan ialah 15.4 %. Kadar kemiskinan Orang Asli ini adalah jauh lebih tinggi daripada kadar kemiskinan di Malaysia untuk tahun 1999 iaitu 7.5 % dan kadar ketermiskinan iaitu 1.4 % (JHEOA 2000 dan Rancangan Malaysia KeLapan). Selanjutnya, keadaan kemiskinan secara relatif dapat juga diperjelaskan iaitu melalui purata pendapatan bulanan yang diterima oleh etnik-etnik di negara ini. Maklumat rasmi yang dikeluarkan oleh kerajaan pada tahun 1999 mendapati purata pendapatan bulanan Orang Asli ialah sebanyak RM666.00 iaitu jauh lebih rendah berbanding dengan etnik-etnik lain (Jadual 1). Rumusan daripada maklumat-maklumat pendapatan yang diperolehi ini, menjelaskan Orang Asli adalah masyarakat Malaysia yang paling serius menghadapi masalah kemiskinan. Majoriti daripada mereka adalah miskin, begitu juga di kalangan yang termiskin.


JADUAL 1. Pendapatan bulanan Orang Asli dengan etnik-etnik lain di Malaysia (1999)

Etnik	Purata pendapatan bulanan (RM)
Orang Asli	666.00
Cina	3,456.00
India	2,702.00
Bumiputera	1,984.00
Lain-lain	1,371.00
Malaysia	2,472.00

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia 1999

## FAKTOR KEMISKINAN DAN RANGKA KERJA KONSEPSUAL

Faktor-faktor kemiskinan yang akan dianalisis dalam kajian ini ialah kawasan tempat tinggal, jenis pekerjaan yang dilakukan, tahap pendidikan ketua isi rumah (KIR), gender KIR, umur KIR dan bilangan isi rumah. Faktor-faktor ini adalah antara faktor yang telah dikenalpasti dalam kajian kemiskinan. Rangka kerja konseptual faktor kemiskinan Orang Asli yang dibina adalah berasaskan faktor-faktor tersebut.



RAJAH 1. Rangka-kerja konseptual faktor kemiskinan Orang Asli

## METODOLOGI

Kaji selidik ini telah dijalankan pada tahun 2004 melibatkan temuduga dua ratus dua responden dari sembilan perkampungan Orang Asli di negeri Perak. Perkampungan yang dipilih merangkumi perkampungan di kawasan pedalaman, pinggir dan kawasan bandar. Kaedah persampelan yang digunakan ialah secara *proportional-random sampling* dimana setiap individu Orang Asli dari kesembilan buah kawasan yang dikaji mempunyai kebarangkalian yang sama untuk dipilih sebagai responden. Bilangan sampel bagi setiap kawasan yang dikaji adalah berkadar dengan jumlah penduduk di kawasan tersebut. Dengan cara ini sampel yang dipilih telah dapat mewakili populasi sasaran.

Saiz sampel yang ditentukan untuk kajian ini adalah dengan nisbah 0.3 dari jumlah populasi. Namun dengan kerja lapangan yang lancar serta kerjasama yang memuaskan dari JHEOA pencapaian saiz sampel adalah sebanyak 202 orang iaitu jauh lebih besar dari saiz sampel yang ditentukan (Sila rujuk Jadual 2). Selanjutnya, satu model logit telah digunakan bagi tujuan menganalisis hubungan kemiskinan Orang Asli dengan faktor-faktor penyumbang kepada kemiskinan mereka.

JADUAL 2. Kawasan kajian dan saiz sampel

Kawasan kajian	Klasifikasi kawasan	Bilangan responden	Saiz sampel ditentukan	Pencapaian (%)
Kg Sg Banun	Pedalaman	17	6	283.3
Kg Sg Raba	Pedalaman	21	7	300.0
Kg Sg Kejar	Pedalaman	12	6	200.0
Kg Tumbuh Hangat	Pinggir	29	16	181.3
Kg Gedung Batu	Pinggir	20	8	250.0
Kg Sg Perah	Pinggir	30	30	100.0
Kg Suak Padi	Pinggir	26	14	185.7
Kg Batu Berangkai	Bandar	22	17	129.4
PGA Bidor	Bandar	25	50	50.0
Jumlah		202	154	131.2

Sumber: Kaji selidik 2004

## MODEL LOGIT

Bagi mengkaji perhubungan di antara kemiskinan Orang Asli dengan faktor-faktor penyumbang kemiskinan, model logit berikut digunakan:

$$Y_i = b_0 + b_1X_1 + b_2X_2 + b_3X_3 + b_4X_4 + b_5X_5 + b_6X_6 + e$$

dimana:

- Y<sub>i</sub> pembolehubah patung dengan nilai "1" (miskin) jika pendapatan isirumah kurang dari RM529.00 dan nilai "0" (tidak miskin) jika pendapatan isirumah lebih dari RM529.00
- X<sub>1</sub> bilangan ahli isi rumah
- X<sub>2</sub> umur ketua isi rumah (KIR)
- X<sub>3</sub> pembolehubah patung dengan nilai "1" jika KIR adalah lelaki dan "0" jika KIR wanita
- X<sub>4</sub> pembolehubah patung dengan nilai "1" jika responden buta huruf dan "0" jika responden pernah bersekolah
- X<sub>5</sub> pembolehubah patung dengan nilai "1" jika kerja sendiri dan "0" jika kerja makan gaji
- X<sub>6</sub> pembolehubah patung dengan nilai "1" jika kawasan pedalaman dan "0" jika bandar dan pinggir bandar
- b<sub>0</sub>,...,b<sub>6</sub> koefisen
- e pembolehubah rawak

## KEPUTUSAN KAJIAN

Keputusan kajian mencatatkan kadar kemiskinan Orang Asli di kawasan kajian adalah 54.0%. Keputusan kajian juga menunjukkan keenam-enam pembolehubah yang dikaji adalah signifikan secara statistiknya dalam menjelaskan kemiskinan Orang Asli (Jadual 4).

JADUAL 4. Keputusan model logit kemiskinan Orang Asli dengan faktor-faktor penyumbang kemiskinan

	B	S.E	df	Sig	Exp(B)
Constant	6.447	1.457	1	0.000	630.810
Pekerjaan	1.165	0.449	1	0.010	3.204
Kawasan	2.793	0.860	1	0.001	16.323
Gender KIR	-1.375	0.708	1	0.052	0.253
Pendidikan	2.518	0.679	1	0.000	12.399
Umur KIR	-0.122	0.026	1	0.000	0.885
Saiz isi rumah	-0.363	0.130	1	0.005	0.696
Nagelkerke R Square = 0.585					

Sumber: Kaji selidik 2004

Selanjutnya, keputusan kajian juga menunjukkan nilai regresi untuk faktor kawasan, pendidikan dan jenis pekerjaan adalah positif manakala untuk gender KIR, umur KIR dan saiz isi rumah adalah negatif. Nilai regresi positif untuk pekerjaan bermakna Orang Asli yang bekerja sendiri lebih menyumbang kepada kemiskinan masyarakat tersebut berbanding dengan yang bekerja makan gaji. Nilai regresi positif untuk kawasan pula bermakna, Orang Asli dari kawasan pedalaman mempunyai kebarangkalian yang lebih tinggi kepada kemiskinan berbanding dengan Orang Asli yang tinggal di kawasan pinggir dan bandar.

Seterusnya, nilai regresi positif untuk pendidikan bermakna Orang Asli yang buta huruf menyumbang kepada kemiskinan masyarakat tersebut berbanding Orang Asli yang mendapat pendidikan. Nilai regresi negatif untuk gender membawa maksud KIR wanita lebih menyumbang kepada kemiskinan Orang Asli berbanding lelaki. Bagi faktor umur pula, nilai regresi negatif bermakna KIR yang muda menyumbang lebih kepada kemiskinan Orang Asli berbanding KIR yang umur lebih tua. Akhir sekali, nilai regresi negatif untuk faktor saiz isi rumah bermakna saiz isi rumah yang kecil lebih menyumbang kepada kemiskinan Orang

Asli berbanding dengan saiz isi rumah yang lebih besar. Secara keseluruhannya faktor-faktor yang dipilih menerangkan 58.5% kemiskinan Orang Asli.

Kajian mendapati Orang Asli yang tinggal di kawasan pedalaman menyumbang secara signifikan terhadap kemiskinan mereka. Keadaan ini disokong oleh dapatan kajian yang mendapati 96.0% daripada Orang Asli di kawasan pedalaman adalah miskin berbanding 56.2% di kawasan pinggir dan hanya 4.3% di kawasan bandar. Bagi aspek pendidikan pula, kajian mendapati sebanyak 86.0% daripada Orang Asli yang tidak bersekolah adalah miskin berbanding 56.8% bagi yang bersekolah menengah dan hanya 10.4% bagi yang mendapat pendidikan menengah. Berikutnya, dari aspek pekerjaan pula, sebanyak 70.5% daripada Orang Asli yang bekerja sendiri didapati miskin berbanding 32.2% bagi yang bekerja dengan pihak lain. Kajian juga mendapati KIR Orang Asli wanita menyumbang secara signifikan kepada kemiskinan Orang Asli. Keadaan ini disokong oleh dapatan kajian yang mendapati sebanyak 64.7% KIR Orang Asli wanita adalah miskin berbanding 53.0% bagi KIR lelaki. Selanjutnya, kajian juga mendapati umur KIR yang lebih muda menyumbang secara signifikan terhadap kemiskinan Orang Asli. Dapatan kajian mencatatkan kesemua KIR yang berumur dua puluh tahun hingga dua puluh lima tahun adalah miskin. Kadar kemiskinan bagi yang berumur dua puluh enam tahun hingga tiga puluh tahun ialah 82.7% dan sebanyak 60.7% bagi yang berumur tiga puluh satu tahun hingga tiga puluh lima tahun. Kadar kemiskinan terus menurun bagi kategori umur KIR yang lebih tinggi. Namun begitu, kadar kemiskinan didapati tinggi apabila umur KIR melebihi enam puluh tahun (Jadual 5).

JADUAL 5. Kadar kemiskinan KIR Orang Asli mengikut kategori umur

Umur KIR	Kadar kemiskinan (%)
20 hingga 25 tahun	100.0
26 hingga 30 tahun	82.7
31 hingga 35 tahun	60.7
36 hingga 40 tahun	54.3
41 hingga 45 tahun	37.5
46 hingga 50 tahun	20.8
51 hingga 55 tahun	14.3
56 hingga 60 tahun	37.5
Lebih 60 tahun	64.7

Sumber: Kaji selidik 2004

Akhir sekali, saiz isi rumah yang lebih kecil didapati menyumbang kepada kemiskinan Orang Asli. Dapatan kajian mendapati kadar kemiskinan bagi keluarga Orang Asli yang bersaiz satu hingga tiga orang adalah 72.0% dan meningkat apabila saiz menjadi bertambah besar (Sila lihat Jadual 6).

JADUAL 6. Kadar kemiskinan KIR Orang Asli mengikut saiz isi rumah

Saiz isi rumah	Kadar kemiskinan (%)
1 hingga 3 orang	72.0
4 hingga 6 orang	50.4
7 hingga 9 orang	39.0
Lebih 9 orang	50.0

Sumber: Kajiselidik 2004

## KESIMPULAN

Kajian ini telah menjelaskan bahawa keenam-enam faktor yang dibincangkan adalah signifikan dalam menentukan kemiskinan Orang Asli. Di samping itu, kajian juga turut mendapati bahawa penempatan Orang Asli di kawasan pedalaman, keadaan buta huruf, keadaan Orang Asli yang bekerja sendiri, KIR wanita, umur KIR yang muda serta saiz isi rumah Orang Asli yang kecil adalah penyumbang sebenar kepada kemiskinan Orang Asli. Dengan itu, langkah-langkah pembasmian kemiskinan yang hendak dijalankan oleh pihak kerajaan terhadap masyarakat Orang Asli ini perlulah mengambilkira faktor-faktor tersebut.

## RUJUKAN

- Jabatan Perangkaan Malaysia. 1999. *Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah Orang Asli 1999*. Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan.
- JHEOA. 2000. *Analisis Profail Orang Asli Semenanjung Malaysia*. Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan.
- Malaysia 2001. *Rancangan Malaysia Kelapan, 2001-2005*. Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan.
- Tabachnick, B. G & Fidel, L. S. 2001. *Using multivariate statistic*. Needham Height: Alyn & Bacon.





## BORANG PESANAN/ORDER FORM



**PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

43600 UKM Bangi, Selangor D.E., MALAYSIA

Tel: 03-89213138, 89215321 Faks: 89254575

Harap bekalkan judul berikut kepada pihak kami.

*Please supply the following titles to us.*

Judul/Titles	Kuantiti Quantity	Harga ASEAN @ (RM)	Overseas price @ (US \$)	Jum. Harga Total Price
<i>Jurnal Ekonomi Malaysia</i> Bil/No. 18 (Disember) 1988 Bil/No. 19 (Jun) 1989 Bil/No. 20 (Disember) 1989		15.00	15.00	
<i>Jurnal Ekonomi Malaysia</i> Bil/No. 21 & 22 (Jun & Disember) 1990		30.00	30.00	
<i>Jurnal Ekonomi Malaysia</i> Bil/No. 23 (Jun) 1991 – Bil/No. 26 (Disember) 1992		15.00	15.00	
<i>Jurnal Ekonomi Malaysia</i> Bil/No. 27 (1993) – Bil/No. 29 (1995)		15.00	15.00	
<i>Jurnal Ekonomi Malaysia</i> Bil/No. 30 (1996) – Bil/No. 40 (2006)		20.00	20.00	
Pos/Postage:			RM/US	
Jumlah Besar/Total:			RM/US	

Bayar bank draf/wang kiriman atas nama/Make your bank draft/money orders payable to Bendahari, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nama Pemesan/Customer: . . . . .

Alamat/Address: . . . . .

Jabatan/Syarikat/Department/Company: . . . . .

Jawatan/Position: . . . . . Tanda tangan/Signature: . . . . .

Disertakan/Attached: bank draf/wang kiriman/bank draft/money order no: . . . . .

Post/Postage: Malaysia & Singapore tambah/add RM2.00 senaskhah/per copy  
Overseas add US\$4.00 per copy.

